



RASMI: Fairrul memalu gong sebagai simbolik perasmian simposium berkenaan.

UMS jayakan simposium teknologi bidang kesihatan

UB 23.10.2024 P.02

KOTAKINABALU: Kolaborasi antara Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Hospital UMS berjaya menghimpunkan pakar, pengamal perubatan dan kesihatan, serta penyelidik untuk membincangkan isu dan perkembangan bidang kesihatan.

Ia dijayakan melalui penganjuran Simposium Ultrasound Obstetrik Lanjutan, yang diadakan di sini baru-baru ini.

Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabang-

sa) FPSK, Prof. Madya Dr. Fairrul Masnah, berkata simposium itu menjadi platform berkongsi pengetahuan dan pandangan khususnya berkaitan ultrasound obstetrik.

Katanya, ultrasound obstetrik kini memainkan peranan penting dalam penjagaan pranatal moden.

“Teknologi ini menawarkan pelbagai manfaat yang memudahkan pemantauan kesihatan ibu dan bayi sepanjang kehamilan.

“Selain itu, ia turut membolehkan pengesanan awal komplikasi, sekali gus meny-

umbang kepada keselamatan dan kesihatan ibu dan bayi,” katanya berucap merasmikan simposium itu.

Fairrul berkata simposium itu juga menjadi platform peserta untuk saling berkenalan dan memperkukuhkan rangkaian profesional.

“Segala perbincangan dalam simposium ini diharapkan menjadi titik permulaan kepada inspirasi baharu dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan,” katanya.

Lebih 50 peserta hadir pada simposium dua hari itu.